

PM diyakini tumpu strategi ekonomi

12 OCT 2003

PUTRAJAYA 11 Okt. — Beberapa delegasi yang menyertai Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Ke-10 yakin ucapan pembukaan persidangan itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 16 Oktober ini mengandungi idea yang mampu membantu membangunkan ekonomi negara-negara anggota.

Mereka menjangka ucapan Perdana Menteri nanti akan menumpukan kepada formula strategi ekonomi yang berdaya saing berdasarkan kejayaan beliau membangunkan Malaysia.

Delegasi dari Libya, **Mohamed N.** berkata, semua negara ahli OIC kini menumpukan perhatian mereka kepada Malaysia sebagai contoh sebuah negara Islam yang berjaya dari segi ekonomi.

"Dr. Mahathir merupakan seorang pemimpin yang penuh dengan idea dan kebanyakan negara OIC melihat formula yang diutarakan oleh beliau mampu membantu mereka menjayakan ekonomi masing-masing," ujarnya.

Katanya, beberapa idea yang dilontarkan oleh Dr. Mahathir sebelum ini seperti mewujudkan usaha perdagangan di kalangan

negara-negara Islam dan penggunaan Dinar Emas adalah amat baik kerana ia mampu mendatangkan manfaat kepada dunia Islam keseluruhannya.

"Masalah yang berlaku di kalangan negara-negara Islam hari ini ialah mereka tidak mempunyai strategi pentadbiran yang baik.

"Oleh itu, mereka tidak mampu berdiri di atas kaki sendiri walaupun mempunyai kekayaan sumber ekonomi seperti minyak," katanya.

Beliau memberitahu, sudah sampai masanya negara-negara OIC yang mempunyai sumber kekayaan bergabung tenaga dengan negara yang mempunyai strategi pentadbiran ekonomi yang baik seperti Malaysia untuk menubuhkan rangkaian ekonomi Islam yang kuat.

Sebagai contoh, katanya, negara yang kaya dengan minyak seperti Arab Saudi dan Libya boleh membeli kereta buatan Malaysia berbanding mengimportnya dari Eropah.

Delegasi dari Bangladesh, **D. Y. Ndlaye** berkata, negara-negara Islam perlu memberi perhatian kepada usaha membangunkan sektor pendidikan masing-masing dalam usaha memajukan ekonomi mereka.

Menurutnya, penguasaan dari segi pendidikan terutama sains dan teknologi sahaja yang mampu membantu membangunkan negara-negara Islam yang kini ketinggalan jauh dalam bidang tersebut.

Katanya, langkah kerajaan Malaysia yang menekankan pendidikan di kalangan rakyatnya perlu dicontohi oleh negara-negara Islam yang lain.

Wakil Pusat Kajian Statistik Ekonomi dan Sosial OIC, **Chouhlane Jalel** pula berkata, inisiatif Malaysia mengadakan Forum Perdagangan sempena OIC kali ini adalah langkah permulaan ke arah membina kerjasama perdagangan di kalangan negara-negara ahli.

Menurut beliau, negara-negara OIC kini tidak lagi seharusnya terlalu menumpukan perhatian kepada polemik politik sebaliknya berusaha membangunkan ekonomi masing-masing seperti yang dilakukan oleh Malaysia.

Katanya, semua negara Islam mempunyai kelebihan yang jika digabungkan mampu mewujudkan blok perdagangan yang kuat setaraf dengan blok ekonomi lain seperti Kesatuan Eropah.